



Bab

3



BAB 3

METODOLOGI PENSEJARAHAN AL-ṬABARĪ

3.0 Pendahuluan

Tārīkh al-Ṭabarī merupakan rujukan sejarah utama semua generasi Islam dan menjadi sandaran apabila berlaku pertentangan maklumat. Al-Ṭabarī di dalam memetik sumber sejarahnya menggunakan metodologinya yang tersendiri. Sebelum penulis mengupas dengan lebih jauh lagi, di sini penulis kemukakan takrifan tentang metodologi seterusnya mendefinisikan metodologi pensejarahan Al-Ṭabarī.

Metodologi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *metode* dan *logos*. *Metode* bererti cara dan *logos* bererti ilmu. Dengan ini metodologi bermaksud ilmu tentang cara. Imam Barnadib menghuraikan bahawa metodologi membawa pengertian ilmu tentang cara mengadakan penelitian¹.

Kamus Dewan mendefinisikan metodologi sebagai sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu usaha dan sebagainya².

¹ Barnadib, Imam, (1982) *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Jogjakarta: Penerbitan FIP-IKIP h. 51

² Teuku Iskandar (1996), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 887

Sementara perkataan *pensejarahan* diambil dari kata dasar *sejarah*. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, sejarah dalam sastera lama bermaksud asal-usul atau keturunan, salasilah. Ia juga bermaksud peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat, tambo. Ia turut bermaksud ilmu iaitu kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa yang lalu, atau tawarikh³.

Perkataan *sejarah* dikatakan berasal daripada kalimah 'Arab iaitu *Syajārah* yang bermaksud pohon, salasilah, atau keturunan⁴. Sejarah dalam bahasa 'Arab disebut *al-tārīkh* berasal daripada perkataan *al-arkh*, iaitu bahasa Arab tua yang mempunyai talian daripada bahasa Samiyah dengan sebutan *yariikh* bererti bulan (*al-qamar*) manakala dalam bahasa Arab memberi erti bulan (*al-syahr*)⁵. *Al-Tārīkh* membawa pengertian pentarikan, *date* atau *era* (*haqbah, zamān*)⁶. Pengertian ini tidak statik untuk selama-lamanya. Pada abad ke 2 Hijrah, perkataan *al-Tārīkh* bermaksud *historical work*. Sementara pada abad ke 3 Hijrah di mana skop kajian ilmu *Tārīkh* telah meluas hingga sampai kepada pengertian sejarah moden, ia mempunyai dua pengertian iaitu pengertian khusus dan pengertian umum. Pengertian khusus merujuk kepada haribulan bagi menentukan jangka masa bagi sesuatu peristiwa sementara pengertian umum digunakan sebagai tajuk kepada penulisan sejarah sebagai contoh *Tārīkh al-Ṭabarī*.

³ *Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994)*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1208

⁴ Mahayuddin Hj Yahya (1984), *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahan*, Kuala Lumpur : Penerbit Sarjana (M) Sdn Bhd, h. 31

⁵ Wan Yahya Wan Ahmad (1992), *Pensejarahan Awal Islam*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 1

⁶ Mahayuddin Hj Yahya (1984), *op.cit.* Lihat sama W.E Caldwell (1969), *The Ancient World*, Holt, New York: Rinehart and Winston Press, h. ix

Perkataan *Tārīkh* ini membawa pengertian *annals* atau *chronicles*⁷. Kedua-dua pengertian tersebut menjadi asas bagi penulisan sejarah Islam kerana sesuatu karya sejarah dianggap sebagai penulisan sejarah disertai dengan urutan tahun secara kronologi atau *chronology*.

Istilah sejarah atau *tārīkh* yang diertikan dalam istilah penulisan sejarah ialah catatan kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku dan juga catatan berita yang bersandarkan masa⁸.

Walau bagaimana pun, ungkapan sejarah pada pandangan ilmuwan Arab menyatakan bahawa *Tārīkh* atau *Ta'rīkh* telah muncul pada dekad-dekad terkemudian. Pada peringkat awal, orang Arab menggunakan kalimah *khbar* atau *Qiṣṣah* ketika menggambarkan sesuatu bangsa atau masyarakat. Kalimah *khbar* atau *Qiṣṣah* merujuk kepada cerita yang panjang atau cerita yang berurutan. Ia juga memberi erti sebagai penelitian dan pengkajian⁹.

Kalimah *Tārīkh* atau *Ta'rīkh* telah muncul dalam sastera atau peradaban Arab pada dekad terkemudian. Asal perkataan *Tārīkh* telah menimbulkan perselisihan di kalangan ilmuwan-ilmuwan Arab sama ada ia berasal dari kalimah Arab atau bukan. Mereka berpendapat bahawa asal perkataan *Tārīkh* diambil dari pelbagai bangsa¹⁰.

⁷ *Ibid.*, h. 32

⁸ *Ibid.*

⁹ Franz Rosenthal (1963), *ʿIlm al-Tārīkh ʿinda al-Muslimīn*. Ṣāleḥ Aḥmad al-ʿIlī (terj.), Baghdad: Maktabah al-Muthanna, h. 19

¹⁰ *Ibid.*

Pendapat pertama menyatakan bahawa kalimah tersebut berasal dari kalimah 'Ibri iaitu *برخ*. Franz Rosenthal menolak pendapat ini kerana menurut beliau bangsa 'Ibri tidak kenal huruf Ya'¹¹.

Di kalangan sejarawan Arab tidak sependapat dalam penentuan asal-usul kalimah *Tārīkh* sama ada ianya berasal dari bahasa daerah kabilah Qais iaitu *ارخ* atau bahasa daerah kabilah Tamim *ورخت*¹².

Pendapat seterusnya menyatakan bahawa kalimah tersebut berasal dari kalimah Parsi iaitu *ماخروز* yang bererti pengiraan hari dan bulan. Pendapat ini mempunyai hubungan dengan sejarah pengenalan kalendar Hijri Takwim Islam yang diperkenalkan oleh Khalifah 'Umar r.a.¹³

Laporan sejarah menjelaskan bahawa pada zaman 'Umar r.a telah berlaku pembukaan wilayah yang luas dan terdapat longgokan hasil dari pelbagai wilayah Islam. Rentetan itu, timbul keperluan kepada suatu sistem pengiraan hasil, pemungutan dan perbelanjaannya. Tahun diperkenalkan oleh 'Umar r.a kerana sistem hasil. 'Umar r.a mengadakan satu persidangan untuk mengatasi kebuntuan tersebut. Mereka yang hadir termasuklah Ḥurmuzan iaitu seorang bekas gabenor pemerintah Parsi di wilayah Ahwaz yang telah ditawan oleh tentera Islam dan semasa dalam tawanan beliau memeluk agama Islam. Beliau telah bangun dan

¹¹ Franz Rosenthal (1963), *op.cit.*, h. 20

¹² Al-Sakhāwī, Syams al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān (1963), *al-'lān bī al-Tawbīkh liman dhamma al-Tārīkh*, Baghdad : Maṭba'ah al-'Ānī, h. 15

¹³ Franz Rosenthal (1963), *op.cit.*, h. 24

memberikan pendapatnya, “Mengikuti peradaban kami, ada satu sistem yang dikenali sebagai ماخروز”. Pendapatnya telah diterima oleh ahli persidangan¹⁴.

Pendapat seterusnya menyatakan bahawa kalimah *Tārīkh* diambil dari manuskrip Arab iaitu catitan awal bertarikh 22H. Kalimah *Tārīkh* tidak ada dalam al-Quran, hadith atau sastera klasik. Di dalam hadith tidak terdapat kalimah *Tārīkh* tetapi digunakan kalimah 'Addu. Kalimah ini telah berkembang sehingga ia dikenali sebagai kitab-kitab sejarah atau tulisan sejarah¹⁵.

Kesimpulannya, metodologi pensejarahan al-Ṭabarī merujuk kepada suatu cara atau kaedah tertentu yang digunakan oleh al-Ṭabarī dalam proses penghasilan karya Sejarah Islam yang berkaitan dengan pengambilan sumber sejarah menerusi analisis maklumat disertai dengan tarikh secara kronologi.

Al-Ṭabarī tidak memberikan suatu takrif yang jelas mengenai *Tārīkh* atau sejarah. Namun, jelas beliau merupakan ahli sejarah yang tergolong dalam golongan sejarawan Islam tradisional. Ini kerana beliau masih terikat dengan fahaman ulama Tafsir dan Hadith dalam mentafsirkan sejarah iaitu tanpa memasukkan unsur-unsur Falsafah dan Sains dalam pensejarahannya sepertimana dilakukan oleh ahli-ahli sejarah yang terkemudian khususnya al-Mas'ūdī dan Ibn Khaldūn¹⁶.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*, h. 23

¹⁶ Sulaiman Noordin (2000), *Falsafah Sejarah Islam dan Barat, dalam Islam Al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, Selangor: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 200

3.1 Objektif Pensejarahan

Sebagai suatu istilah sejarah, konsep objektif dilihat kepada dua sudut pengertian. Dari segi pengertian asas bahawa objektif bermakna tujuan atau sasaran sesuatu sejarah itu dikaji atau ditulis. Sudut kedua pula adalah lebih kontroversi dan memerlukan perbincangan yang lebih luas serta mendalam. Sebenarnya, ia boleh dianggap sebagai salah satu daripada beberapa sifat atau hakikat sejarah itu sendiri¹⁷.

3.1.1 Objektif Pensejarahan Islam

Pensejarahan Islam merupakan penulisan sejarah yang berasaskan pendekatan tamadun terawal dalam sejarah manusia.

Asas penulisan sejarah di kalangan umat Islam ialah ianya terpengaruh dengan ayat-ayat kisah yang merupakan sebahagian daripada kandungan al-Qur'ān. Dari sudut objektif pula, kisah-kisah di dalam al-Qur'ān memberikan objektif kepada penulisan sejarah dalam perspektif memberi iktibar, mauizah dan melihat kebenaran¹⁸.

¹⁷ Muhd Yusof Ibrahim (2000), *Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 212-213

¹⁸ Ahmad Zaki Ibrahim, Dr. (2000), "*Ibn Khaldun Sebagai Pelopor Falsafah Sejarah Dan Asas Falsafah Sejarahnya*" Kertas Kerja Wacana Ilmu, Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya, 29 November 2000), h. 3

Pertumbuhan penulisan sejarah Islam berkaitan dengan disiplin ilmu Hadith dari sudut metod, kandungan dan telah dihasil serta diperkembangkan oleh tokoh-tokoh *muḥaddith* seperti al-Ṭabarī. Tujuan terawal penulisan sejarah Islam untuk memberi khidmat kepada disiplin ilmu hadith dari perspektif persambungan nasab dan biografi perawi¹⁹.

Objektif penulisan sejarah sebenarnya mengikat penglihatan sejarah berasaskan pemikiran agama, apabila dimaksudkan dengan *'izzah* dan iktibar dalam konteks kehidupan di Akhirat sesuai dengan kefahaman masing-masing bahawa kepercayaan kepada Akhirat ada hubungan dengan tindakan dan perlakuan di dunia. Hakikatnya, Islam bersama komitmen yang diberi oleh para sejarawan berobjektifkan al-Qur'an untuk iktibar, *mauizah* dan kebenaran²⁰.

Objektif penulisan sejarah sebahagian sejarawan dapat dilihat di mukadimah-mukadimah penulisan kitab-kitab mereka seperti al-Mas'ūdī (w.346), Ibn Khaldūn (w.808), dan Ibn Athīr (w.602).

Namun, penulis mendapati bahawa al-Ṭabarī tidak memberikan suatu takrif yang jelas mengenai *tārīkh* atau sejarah di mukadimah kitabnya. Walau bagaimanapun, beliau tergolong di dalam golongan sejarawan Islam tradisional.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Ahmad Zaki Ibrahim, Dr. (2000). "Hukum Sejarah" Kuliah Falsafah Sejarah dan Bibliografi, Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 23 Januari 2000).

Ini disebabkan beliau masih terikat dengan faham ulama Tafsir dan Ḥadith dalam mentafsirkan sejarah tanpa memasukkan unsur-unsur falsafah dan sains dalam pensejarahannya sepertimana yang dilakukan oleh sejarawan-sejarawan terkemudian khususnya al-Mas'ūdī dan Ibn Khaldūn.

Al-Mas'ūdī (w.346) menyatakan bahawa sejarah ialah suatu disiplin ilmu yang lengkap dan konprehensif dan objektif penulisan sejarahnya ialah untuk mengingat kembali peristiwa-peristiwa indah serta membentuk sejarah sebagai suatu ilmu (sains) yang benar-benar ilmiah dan sistematis²¹. Beliau mengakui dan menerima hakikat tentang kekuasaan dan campurtangan Allah ke atas peristiwa-peristiwa sejarah tetapi ini tidak bermakna menyekat usaha-usaha ke arah pengkajian dan penyelidikan sejarah²².

Ibn Khaldūn (w.808) telah merumuskan objektif penulisan sejarah beliau di dalam mukadimah kitabnya, *Mukaddimah Ibn Khaldun* dengan menyatakan bahawa sejarah ialah suatu seni yang mulia alirannya dan terhormat objektifnya²³. Sejarah ditakrifkan sebagai maklumat tentang masyarakat manusia dan kemajuan atau tamadun alam²⁴.

²¹ Mahyuddin Hj Yahya (1984), *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, Penerbitan Sarjana (M) Sdn Bhd, h. 50

²² *Ibid.*, h. 51

²³ Ahmad Zaki Ibrahim, Dr. (2000), "*Ibn Khaldun Sebagai Pelopor Falsafah Sejarah Dan Asas Falsafah Sejarahnya*" Kertas Kerja Wacana Ilmu, Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya, 29 November 2000), h. 3

²⁴ Zainab al-Khudhairi, Dr. (1987), *Filsafat Sejarah Ibn Khaldun*, Bandung : Penerbit Pustaka, h.

Sementara Ibn Athir (w.620) menggunakan uslub yang mudah dan terperinci di dalam memberikan kupasan berkaitan dengan objektif penulisan sejarah di awal mukadimah kitab beliau *al-Kāmil fī al-Tārīkh* dengan menjelaskan bahawa sejarah boleh diambil dari perspektifnya iaitu iktibar Akhirat dan iktibar dunia²⁵.

Objektif penulisan sejarah *Hawliyyat* ialah untuk menjelaskan penglibatan perawi-perawi di dalam sesuatu peristiwa dan kedudukan mereka sama ada thiqah atau tidak. Ini merupakan rentetan kepada disiplin ilmu Hadīth. Justeru, adalah penting di akhir sesuatu peristiwa dicatatkan nama perawi-perawi yang hidup dan mati untuk mengesahkan kesahihan sesuatu hadīth²⁶.

Al-Ṭabari mengaplikasikan sejarah beliau berasaskan disiplin ilmu Hadīth dan Tafsir dengan menganggap disiplin penulisan peristiwa-peristiwa sejarah sama seperti disiplin periwayatan hadith-hadith Nabi S.A.W. Setiap berita mesti disanadkan kepada perawinya dan mesti diikuti rangkaian sanadnya sehingga sampai kepada asal berita. Ini kerana, sanad adalah satu-satunya bukti dalam menentukan kesahihan riwayat atau sebaliknya. Oleh itu, al-Ṭabari begitu berhati-hati agar setiap riwayat disandarkan kepada perawinya dan beliau menyebut silsilah sanad di dalam setiap keadaan. Justeru itu, didapati bahawa kebanyakan dari riwayat-riwayat al-Ṭabari adalah riwayat yang berbeza-beza dan

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Ahmad Zaki Ibrahim, Dr. (2003), *Pensyarah Sejarah dan Tamadun Islam*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 11 Februari 2003).

bercanggah di antara satu sama lain. Oleh itu, setiap riwayat perlu dikaji dan diteliti dengan berhati-hati²⁷.

3.2 Asas metodologi pensejarahan al-Ṭabarī

Tārīkh al-Ṭabarī merupakan sebuah karya monumental yang cukup unggul dari segi data dan faktanya yang merimbun.

Metodologi pensejarahan al-Ṭabarī berasaskan bentuk *analistik* yang merupakan bentuk khusus penulisan sejarah dengan menggunakan sistem kronologi iaitu sistem tahun bagi setiap peristiwa yang diciptakan untuk memudahkan atau meyakinkan pembaca. Contohnya ditulis “Dalam Tahun Pertama Hijrah...” dan peristiwa-peristiwa dalam tahun-tahun tersebut dicantumkan satu persatu.

Metodologi tersebut mula diperkenalkan pada dasarwarsa pertama abad ke-10M dan diteruskan sehingga sampai tahun 915M. Menurut para sejarawan Islam, metodologi ini dimulai dalam bentuk kecil kemudian berkembang²⁸.

Sebahagian sejarawan sebelum al-Ṭabarī yang telah menulis karya sejarah mereka menggunakan metodologi *analistik* termasuklah Ibn Hayyat yang menulis kitab *Sejarah Khalīfah*. Ia memulakan huraianya mengenai erti *tārīkh* dan

²⁷ *Ibid.*, h. 167

²⁸ H.A Muin Umar, Dr. (1988), *Historiografi Islam*, Jakarta : Rajawali Pers, h. 34

huraian ringkas mengenai sejarah Muḥammad pada permulaan hayatnya sehingga tahun 847M kira-kira lapan tahun sebelum penulisnya meninggal dunia²⁹.

Pada pertengahan kedua abad ke 9M, Ya'qub bin Sufyān (w. 891) menulis kitab sejarah menurut urutan tahun ditambah dengan beberapa kutipan-kutipan³⁰.

Kitab Sejarah karya Ibn Abī Ḥaythamah (w. 893M) juga menunjukkan fasal-fasal dengan urutan tahun walaupun terbatas apabila dibandingkan dengan karya-karya lainnya secara keseluruhan³¹.

Kitab Sejarah karya Abū Zur'ah al-Dimasyqī (w. 895M) yang memaparkan informasi tentang ulama-ulama agama disebut sebagai karya *analistik*³².

Dikatakan bahawa 'Uthmān bin Wāthimāh pada abad ke 9 Masihi menyusun karyannya secara *analistik* dan kemudiannya diperbaiki dan disusun kembali oleh al-Ṭabari³³. Sementara ada ahli Sejarah menyatakan bahawa Umarah ibn Wathimah telah menyusun kitab sejarahnya dalam abad yang sama secara *analistik*. Kitab sejarah lain termasuklah kitab yang ditulis oleh Abū Ṣālih 'Abdallah ibn Muḥammad ibn Yazdad dikatakan *analistik*. Karya sejarah

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ Mahayudin Hj Yahya (1984), *op.cit.*, h. 41

Muḥammad ibn Mūsā al-Khawarizmī yang diringkaskan oleh Hamzah al-Isfahani dikatakan bahawa karya al-Khawarizmī merupakan karya *analistik*³⁴. Demikian juga dengan kitab sejarah yang ditulis oleh Abū Ḥasan al-Ḥasan ibn ‘Uthmān al-Ziyādī. Pernyataan ini disokong oleh al-Sam‘anī yang diperkuatkan dengan suatu kutipan di dalam karya Khatīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*³⁵.

Di dalam abad ke 2H (718-815M), menurut sesetengah ahli sejarah, al-Haitham bin ‘Adī (w.206H) yang menulis kitab *al-Tārīkh ‘ala al-Sinm*, adalah ahli sejarah yang mula-mula sekali menyusun peristiwa-peristiwa mengikut susunan tahun berlakunya³⁶. Sebahagian sejarawan Islam menyatakan bahawa orang yang mula-mula menulis sejarah secara tahunan Muḥammad bin ‘Umar al-Wāqidi (w.130H) yang menulis kitab *al-Tārīkh wa al-Maghazī wa al-Mab‘uth*³⁷, dan ‘Ammar bin Wathīmah (w.289H) yang menulis kitab *al-Tārīkh ‘ala Niḍam al-Sinm* adalah sejarawan-sejarawan yang mula-mula sekali menyusun peristiwa-peristiwa mengikut susunan tahun berlakunya dan telah diikuti kemudiannya oleh al-Ṭabarī³⁸. Al-Ṭabarī telah mengemukakan konsepsinya tentang sejarah dan metodenya dalam penelitian sejarah³⁹:

³⁴ *Ibid.*, h. 35

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Ahmad Amin (1983), *Dhuhal al-Islam*. Osman Hj Khalid (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 469 Lihat sama H.A Muin Umar, Drs (1988), *op.cit.*, h. 35

³⁷ H.A Muin Umar, Drs (1988), *Ibid.*, h. 35

³⁸ Al-Ḥasan al-Bāz (1992), *Makānah Tārīkh al-Ṭabarī fī al-Tadwīn al-Tārīkhī ‘inda al-Muslimīn hatta Nihāyah al-Qarni al-Thālith al-Hijr, Al-Imām al-Ṭabarī*, j.2, Masyurāt al-Munādhamah al-Islāmiyyah lī Tarbiyyah wa al-‘Ulum al-Thiqāfah / SISCO, h. 24-25

³⁹ Al-Ṭabarī (1997), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, j.1. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 13

"Kemudian aku, Insya Allah dengan pertolongan dan kekuatannya akan menelusuri perjalanan sahabat Nabi Muhammad SAW, nama-nama mereka, gelaran mereka, keturunan mereka, dan tempat di mana mereka meninggal dunia. Selanjutnya menelusuri para tabiin, yang datang setelah mereka. Setelah itu menelusuri orang-orang setelah tābi'in berguna untuk memperjelaskan hal-ehwal mereka, yaitu siapakah di antara mereka yang lemah riwayatnya, siapa di antara mereka yang berita-beritanya dituturkan daripada orang yang tak mungkin dipercayai dan fakta yang menyebabkan berita mereka ditolak dan dipandang lemah. Kepada Allah aku memohon pertolongan agar tercapai maksud dan niatku, keranyaNyalah yang menguasai segala tindakan. Dan tidak lupa salam kusampaikan kepada Nabi Muhammad dan keluarganya.

Bagi para pembaca bukuku ini hendaklah tahu bahawa kepercayaanku terhadap segala berita yang kukemukakan dengan syarat-syarat yang telah disampaikan, timbul kerana berita-berita itu berasal dari hadith-hadith dan athār- athār yang aku sandarkan kepada para pencerita-penceritanya tanpa bergantung kepada argumentasi-argumentasi logika dan deduksi, kecuali sedikit sahaja.

Kerana pengetahuan tentang berita orang-orang masa lalu, dan berita orang-orang masa kini, yang tidak sampai kepada orang-orang yang menyaksikannya dan tidak mengetahui masa mereka, hanya pada masa cerita para pencerita dan penceritaan para pencerita, tanpa mendeduksikannya logik dan boleh diterima pemikiran. Berita yang aku sampaikan dalam bukuku ini, tentang orang-orang masa lalu, tidaklah ada yang diingkari pembacanya atau ditentang pendengarnya, hanya kerana berita itu tidak diketahui salah satu aspek kebenarannya atau maknanya. Perlu diketahui, berita itu belum pernah dihuraikan oleh orang sebelum kita. Dan berita itu datang daripada sebahagian pencerita kepada kita. Dan apa yang kita lakukan adalah seperti yang mereka lakukan kepada kita⁴⁰."

⁴⁰ Al-Ṭabarī (1967), *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (tahkik), j. 1, Mesir : Dār al-Ma'ārif, h. 7. Lihat sama Effat al-Sharqawī (1986), *Filsafat Kebudayaan Islam*, Bandung: Penerbit Pustaka, Bandung, h. 273

Metodologi pensejarahan al-Ṭabarī diolah dengan membentangkan peristiwa-peristiwa secara tahunan (kronologi) dalam erti kata bahawa peristiwa-peristiwa sejarah diurut atau dipaparkan berdasarkan tahun berlakunya peristiwa-peristiwa tersebut. Beliau menyentuh peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam setahun dan apabila selesai beliau berpindah pula kepada peristiwa yang berlaku pada tahun berikutnya. Oleh yang demikian, peristiwa-peristiwa yang berlaku dibahagikan kepada beberapa tahun dan beliau hanya menumpukan perhatian kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang setahun, kemudian beliau berpindah pula kepada peristiwa kedua, ketiga dan seterusnya yang berlaku dalam tahun tersebut, apabila berakhir tahun itu maka dimulakan dengan tahun baru dan disambung pula peristiwa yang pertama selaras dengan perkembangan yang berlaku dalam tahun baru tersebut. Dapatlah difahami bahawa pendekatan al-Ṭabarī ini memecahbelahkan sesuatu peristiwa kepada beberapa bahagian yang terputus-putus atau dengan erti kata lain rangkaian peristiwa-peristiwa yang dipaparkan terputus-putus pada banyak tahun⁴¹.

Al-Ṭabarī menggariskan metode pensejarahannya menerusi disiplin ilmu Hadith dan Tafsir dengan menganggap disiplin penulisan peristiwa-peristiwa sejarah sama seperti disiplin periwayatan hadith-hadith Nabi S.A.W. Setiap berita mesti disanadkan kepada perawinya dan mesti diikuti rangkaian sanadnya sehingga sampai kepada asal berita. Ini kerana, sanad adalah satu-satunya bukti dalam menentukan kesahihan riwayat atau sebaliknya. Oleh itu, al-Ṭabarī begitu

⁴¹ Muḥammad Fathī 'Uthmān (1992), *al-Madkhal ilā al-Tārīkh al-Islām*, Lubnan : Dār al-Nafā'is, h. 161

berhati-hati agar setiap riwayat disandarkan kepada perawinya dan beliau menyebut silsilah sanad di dalam setiap keadaan. Justeru itu, didapati bahawa kebanyakan dari riwayat-riwayat al-Ṭabarī adalah riwayat yang berbeza-beza dan bercanggah di antara satu sama lain. Oleh itu, setiap riwayat perlu dikaji dan diteliti dengan berhati-hati⁴².

Di dalam penulisan sejarahnya, al-Ṭabarī telah memetik ayat-ayat al-Qur'ān dan hadith-hadith Nabi serta pendapat-pendapat ahli-ahli Sejarah yang terdahulu dan sezaman bagi sesuatu peristiwa dengan menggunakan *isnād*. Al-Ṭabarī menulis catatan peristiwa dengan membawakan hadith-hadith yang diriwayatkan melalui sanad-sanad yang tersusun dan bersambung sehingga sampai kepada sahabat Nabi S.A.W, tābiⁱⁿ dan tābiⁱⁿ tabiⁱⁿ. Kita akan mengetahui nama-nama perawi yang menceritakan cerita-cerita mengenai tiap-tiap bangsa semenjak dari golongan pertama, kedua dan seterusnya sehinggalah sampai ke zaman beliau⁴³.

Di antara para sahabat yang disambungkan sanadnya kepada mereka termasuklah Ibn 'Abbās, Abū Umāmah al-Bahlī, 'Abdullah bin 'Amrū, Abū Hurayrah, al-Bara' bin 'Azib, Ibn al-Mas'ūd, 'Abd al-Raḥman bin 'Auf, Sa'ad bin Abū Waqās, Anas bin Mālik, 'Ā'isyah, 'Imrān bin al-Ḥusayn, 'Abdullah bin 'Umar, Jābir, 'Umar, 'Alī, Usāmah bin Zaid, Sa'id al-Khudrī, Mu'āwiyah, Sa'ad

⁴² *Ibid.*, h. 167

⁴³ Ahmad Amin (1983), *op.cit.*, h. 449

bin 'Ubadah, Ubay bin Ka'ab, Abū 'Ubaydah, Salman al-Fārisī, Khālid al-Wālid dan ramai lagi.

Sementara para tābi 'in yang disambungkan sanadnya kepada mereka seperti 'Urwah bin al-Zubayr, Sa'id al-Musayyab, Qatadah, Muḥammad bin Sirīn, al-Suddī, Ibn Syihāb, al-Ḥasan al-Baṣrī, 'Ikrimah dan ramai lagi.

Al-Ṭabarī dianggap sebagai seorang *mufassir* yang agung kerana kepakarannya dalam bidang ilmu Tafsir. Pengaruh ilmu Tafsir di dalam penulisan *Tārīkh al-Ṭabarī* adalah sangat jelas di mana al-Ṭabarī telah membentangkan berbagai-bagai pendapat terhadap sesuatu peristiwa dengan menggunakan *isnad* dengan penuh teliti sebagaimana yang dilakukan dalam penulisan Tafsirnya. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pembaca memilih dan mengambil yang sesuai dan menolak yang tidak sesuai⁴⁴. Sungguhpun demikian al-Ṭabarī tidak membezakan perawi-perawi sejarahnya sama ada mereka daripada golongan Syiah atau tidak. Perbezaan ini penting kerana terdapat banyak riwayat yang palsu dari golongan Syiah yang melampau⁴⁵.

Al-Ṭabarī juga menyelitkan puisi-puisi dan *al-arjaz* ke dalam penulisannya. Walau bagaimana pun al-Ṭabarī hanya mencatatkan peristiwa-peristiwa sejarah sehingga kepada zamannya sahaja.

⁴⁴Mahayuddin Hj Yahya (1984), *op.cit.*

⁴⁵Sulaiman Noordin (2000), *op.cit.*, h. 200

Beliau mengulas peristiwa demi peristiwa, tahun demi tahun dan bukan dalam satu cerita panjang tetapi bersambung. Beliau mementingkan rujukan dan rantai periwayat sejarahnya.

Jika dalam suatu peristiwa terdapat berbagai-bagai riwayat, maka beliau membentangkan kesemuanya secara bergilir dengan mengutip nas riwayat tersebut sama seperti asal tanpa mengadakan perubahan. Tujuannya ialah untuk menggabungkan semua peristiwa mengenai Sejarah Arab dalam bukunya bersumberkan sumber-sumber yang paling lama.

Di dalam kitab *Tārīkh al-Ṭabarī*, beliau melakukan kritikan dan melanjutkan riwayat atas riwayat yang lain, sehingga buku tersebut dianggap masih memiliki kekurangan. Bagaimanapun, buku tersebut masih mengandungi banyak kekurangan dari berbagai sudut. Sebagai contohnya, beliau telah menulis dengan pendek sekali, enam baris sahaja mengenai penaklukan Andalus, padahal beliau memaparkan Sejarah Parsi Kuno, Sejarah Jahiliyyah dan Sejarah Islam pada awalnya dengan terperinci sekali⁴⁶.

Dr. Effat Al-Sharqawi merumuskan bahawa berita-berita yang disampaikan oleh al-Ṭabarī adalah diambil daripada pencerita-penceritanya dan disampaikan secara neutral dan objektif. Setiap kisah dinisbahkan kepada penceritanya tidak hanya terbatas kepada apa yang sesuai dengan pendapatnya

⁴⁶ Husain Ahmad Amin (1997), *100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd, h. 149

dan jarang sekali beliau mengukuhkan dan menolak suatu berita malah beliau jarang menaikkan suatu kisah atau kisah lain, apabila menurut pendapatnya sanad keduanya sama dan adakalanya beliau menyerahkan suatu kisah dan riwayatnya kepada pembaca untuk menilainya⁴⁷.

Dr. Muḥammad Fathī 'Uthmān telah merumuskan di dalam karyanya bahawa, "Sesungguhnya yang mendapat manfaat dari berita-berita al-Ṭabarī hanyalah sesiapa yang merujuk kepada terjemahan (latar belakang) para perawinya di dalam kitab-kitab *al-Jarh wa Ta 'dil*"⁴⁸.

Metodologi pensejarahan al-Ṭabarī sama sahaja dengan metode ilmu hadith yang bersandarkan kepada sanad dan kritik terhadap penceritanya tanpa meneliti isi dan teks yang dituturkan. Ini kerana berdasarkan seorang ahli hadith, berpegang kepada kredibiliti para pencerita saja sudah cukup. Khususnya apabila kandungan dan isi riwayat itu kisah tidak bertentangan dengan apa yang terkandung di dalam al-Qur'ān. Konklusinya, karya al-Ṭabarī adalah berdasarkan riwayat⁴⁹.

Al-Ṭabarī berupaya mengemukakan kredibiliti sanad-sanadnya, namun tidaklah semua fakta sejarah yang dikemukakannya mampu ditelusuri rangkaian sanadnya yang terjalin rapi sehingga sampai kepada suatu peristiwa berlangsung

⁴⁷ Sulaiman Noordin (2000), *op.cit.*, h. 273

⁴⁸ *Ibid.*, h. 164

⁴⁹ Al-Dhahābī, Muḥammad Ḥusayn (1995), *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 214

pada masa silam. Contohnya, peristiwa-peristiwa sejarah yang terjadi sebelum turunnya al-Qur'an dan kenabian Nabi Muhammad S.A.W. Al-Ṭabarī mengemukakan teks-teks yang berkenaan dengan peristiwa-peristiwa itu berpandukan kepada kitab-kitab Tafsir yang sebahagiannya memuatkan kisah-kisah Isra'iliyyat⁵⁰. Cerita-cerita ini juga dikutip dari berita-berita yang terdapat dalam kitab Injil, termasuk juga yang diceritakan oleh sejarawan-sejarawan Yahudi dan Kristian⁵¹.

Ketika menulis tentang Sejarah Persia, al-Ṭabarī merujuk kepada terjemahan buku-buku Persia ke dalam bahasa 'Arab. Beliau mengambil rujukan dari buku-buku karya kaum Nasrani Syam ketika menulis Sejarah Romawi yang memiliki sebahagian pengetahuan tentang kekaisaran Romawi⁵².

Al-Ṭabarī menolak pendapat bahawa seorang sejarawan boleh menggunakan logika, analogi dan deduksi, sebagaimana ijtihad yang dilakukan oleh para fuqahā' di bidang Fiqh. Al-Ṭabarī tetap konsisten kepada apa yang didengar ketika penelitian sejarah dan tanpa logika dan analogi.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Nouruzzaman Shidiqqi (t.t) *Menguak Sejarah Muslim-Suatu Kritik Metodologis*, Jakarta: Pusat Latihan Penelitian dan Pengembangan Masyarakat, h. 28

⁵² Sulaiman Nordin (2000), *op.cit.*, h. 278

Menurut al-Ṭabarī, sejarah menurut konsepsi yang demikian merupakan pengesahan riwayat, penelitian teks-teks dan pengkajian terhadap sanad sebelum meninjau kepada kandungan yang diceritakan kepada kontemplasi Filosofis atau sumber terhadap isinya⁵³.

Al-Ṭabarī menyatakan bahawa laporan-laporannya boleh dibantah atau lebih tegas lagi, mungkin tidak menurut kenyataan yang sebenarnya. Beliau menegaskan bahawa jika sesuatu berita itu salah bukanlah kesalahannya tetapi kesalahan pencerita⁵⁴.

3.3 Rumusan metodologi pensejarahan al-Ṭabarī :

Al-Ṭabarī menggunakan metodologi pensejarahannya yang tersendiri. Setaraf dengan kedudukan kitabnya yang dijadikan rujukan penting dalam kategori kitab-kitab sejarah. Di dalam penulisannya terdapat kelainan yang ketara dengan kitab-kitab sejarah lain.

Beliau juga akan membawakan setiap catatan peristiwa yang diriwayatkan daripada para sahabat dan tābi'in. Apabila terdapat di dalam catatan peristiwa tersebut dua pendapat atau lebih maka beliau akan membentangkannya terlebih dahulu pendapat yang disokong oleh riwayat daripada para sahabat dan tābi'in. Seterusnya beliau akan *mentarjih* pendapat-pendapat tersebut.

⁵³ *Ibid.*, h. 270

⁵⁴ Nourouzzaman Shiddiqi (t.t), *op.cit.*, h. 23

Beliau menulis catatan peristiwa dengan membawakan riwayat melalui sanad-sanad yang teratur. Seperti contoh catatan peristiwa mengenai kejadian Allah siang dan malam⁵⁵, sanad yang beliau datangkan sampai kepada sahabat Nabi iaitu Ibn ‘Abbās r.a.

Al-Ṭabarī menitikberatkan sanad sehingga beliau sanggup menyenaraikan nama periwayat-periwayat yang terlibat secara tersusun dan bersambung. Ini menggambarkan bahawa al-Ṭabarī amat memelihara aspek kesahihan riwayat yang dibawa dan sumber yang dipetik.

Justeru itu, dapatlah penulis rumuskan bahawa metodologi pensejarahan al-Ṭabarī terbahagi kepada empat iaitu :

3.3.1 Penilaian terbuka

Al-Ṭabarī mengambil semua laporan daripada periwayat-periwayat kepadanya. Kemudian beliau membiarkan pembaca menilai sendiri ketepatan cerita sejarah tersebut⁵⁶.

⁵⁵ Al-Ṭabarī (1997), *op.cit.*, j. 1, h. 30

⁵⁶ Nourouzzaman Shidiqqi (t.t), *op.cit.*, h. 15

3.3.2 Isnād

Beliau menulis dengan menceritakan isnād (periwayat sejarah). Sebagai contohnya : Semasa beliau mengarang buku, beliau sentiasa menulis nama pengarang bukannya nama buku. Sekiranya hanya beliau yang mendengar sejarah dari seseorang, beliau menulis "*si polan*" yang *memberitahu saya*' iaitu dengan memberitahu nama pemberitahu tersebut. Manakala jika beliau mendengar cerita bersama orang lain, beliau akan menulis : "*Sipolan memberitahu kami*". Ini dapat dilihat dalam catatan peristiwa mengenai penciptaan Allah⁵⁷.

Jikalau tiada fakta yang beliau dengar daripada orang lain iaitu bukan pencerita sebenar beliau menulis di dalam bukunya, tanpa merujuk kepada nama pencerita sejarah tersebut, seperti "*ada seseorang memberitahu*".

3.3.3 Fakta Logik

Analisis daripada penulisan. Misalnya, al-Ṭabarī merujuk kepada fakta sesebuah buku yang boleh diterima atau sesuatu yang boleh dianggap fakta. Daripada rujukan tersebut, berdasarkan laporan-laporan yang didapati beliau akan memilih fakta yang paling logik⁵⁸.

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ *Ibid.*

3.3.4 Sumber-sumber lain

Al-Ṭabarī juga menggunakan rujukan daripada kesusasteraan seperti sajak, ucapan, perdebatan dan seumpamanya⁵⁹.

3.4 Bentuk Penyusunan ; *Annalistik*/kronologi

Kandungan kitab *Tārīkh al-Ṭabarī* dimulai dengan beberapa abad sebelum Islam, termasuklah sejarah masyarakat 'Arab sebelum Islam, sejarah pemerintahan Parsi dan Bani Isrā'īl. Pada bahagian sejarah Islam, beliau memulakan sejarah Nabi Muhammad S.A.W mengikut bentuk *Sīrah*, iaitu berkaitan dengan riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W. Bermula dengan peristiwa Hijrah sampailah ke tahun 302H, al-Ṭabarī menggunakan sistem *annalistic* (kronologi)⁶⁰.

Metodologi tersebut mula diperkenalkan pada dasarwarsa pertama abad ke-10M dan diteruskan sehingga sampai tahun 915M. Menurut para sejarawan Islam, metodologi ini dimulai dalam bentuk kecil kemudian berkembang⁶¹.

Sebahagian sejarawan sebelum al-Ṭabarī yang telah menulis karya sejarah mereka menggunakan metodologi *analistik* termasuklah Ibn Hayyat yang menulis kitab *Sejarah Khalīfah*. Ia memulakan huraian mengenai erti *tārīkh* dan

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Mahayuddin Hj Yahaya (1984), *op.cit.*, h. 46

⁶¹ H.A Muin Umar, Dr (1988), *Historiografi Islam*, Jakarta : Rajawali Pers, h. 34

huraian ringkas mengenai sejarah Muhammad pada permulaan hayatnya sehingga tahun 847M kira-kira lapan tahun sebelum penulisnya meninggal dunia⁶².

Pada pertengahan kedua abad ke 9M, Ya'qub bin Sufyān (w. 891) menulis kitab sejarah menurut urutan tahun ditambah dengan beberapa kutipan-kutipan⁶³.

Kitab Sejarah karya Ibn Abī Ḥaythamah (w. 893M) juga menunjukkan fasal-fasal dengan urutan tahun walaupun terbatas apabila dibandingkan dengan karya-karya lainnya secara keseluruhan⁶⁴.

Kitab Sejarah karya Abū Zur'ah al-Dimasyqī (w. 895M) yang memaparkan informasi tentang ulama-ulama agama disebut sebagai karya *analistik*⁶⁵.

Dikatakan bahawa 'Uthmān bin Wāthimah pada abad ke 9 Masihi menyusun karyannya secara *analistik* dan kemudiannya diperbaiki dan disusun kembali oleh al-Ṭabarī⁶⁶. Sementara ada ahli Sejarah menyatakan bahawa Umarah ibn Wathimah telah menyusun kitab sejarahnya dalam abad yang sama secara *analistik*. Kitab sejarah lain termasuklah kitab yang ditulis oleh Abū Ṣālih 'Abdallah ibn Muḥammad ibn Yazdad dikatakan *analistik*. Karya sejarah

⁶² *Ibid.*

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Mahayudin Hj Yahya (1984), *op.cit.*, h. 41

Muhammad ibn Mūsā al-Khawarizmī yang diringkaskan oleh Hamzah al-Isfahani dikatakan bahawa karya al-Khawarizmī merupakan karya *analistik*⁶⁷. Demikian juga dengan kitab sejarah yang ditulis oleh Abū Ḥasan al-Ḥasan ibn ‘Uthmān al-Ziyādī. Pernyataan ini disokong oleh al-Sam‘anī yang diperkuatkan dengan suatu kutipan di dalam karya Khatib al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*⁶⁸.

Di dalam abad ke 2H (718-815M), menurut sesetengah ahli sejarah, al-Haitham bin ‘Adī (w.206H) yang menulis kitab *al-Tārīkh ‘ala al-Sinīn*, adalah ahli sejarah yang mula-mula sekali menyusun peristiwa-peristiwa mengikut susunan tahun berlakunya⁶⁹. Sebahagian sejarawan Islam menyatakan bahawa orang yang mula-mula menulis sejarah secara tahunan Muhammad bin ‘Umar al-Waqidī (w.130H) yang menulis kitab *al-Tārīkh wa al-Maghazī wa al-Mab‘uth*⁷⁰, dan ‘Ammar bin Wathīmah (w.289H) yang menulis kitab *al-Tārīkh ‘ala Niḍom al-Sinīn* adalah sejarawan-sejarawan yang mula-mula sekali menyusun peristiwa-peristiwa mengikut susunan tahun berlakunya dan telah diikuti kemudiannya oleh al-Ṭabarī⁷¹.

⁶⁷ *Ibid.*, h. 35

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Ahmad Amin (1983), *Dhuhal al-Islam*. Osman Hj Khalid (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 469 Lihat sama H.A Muin Umar, Drs (1988), *op.cit.*, h. 35

⁷⁰ H.A Muin Umar, Drs (1988), *Ibid.*, h. 35

⁷¹ Al-Ḥasan al-Bāz (1992), *Makānah Tārīkh al-Ṭabarī fī al-Taḍwīn al-Tārīkhī ‘inda al-Muslimīn hatta Nihāyah al-Qarni al-Thālith al-Hijr, Al-Imām al-Ṭabarī*, j.2, Masyurāt al-Munādhamah al-Islāmiyyah li Tarbiyyah wa al-'Ulum al-Thiqāfah / SISCO, h. 24-25

Metodologi pensejarahan Islam secara *analistik* dikembangkan lagi oleh sejarawan-sejarawan selepas al-Ṭabarī seperti al-Qifṭī yang memaparkan informasi sejarah semenjak permulaan kejadian bumi sehingga tahun 1220M⁷².

Seterusnya, Aḥmad bin Abī Ṭāhir bersama-sama anaknya, Ubaydullah yang bersumberkan *Tārīkh al-Ṭabarī* memberikan huraian lengkap mengenai Dinasti ‘Abbāsiyyah dengan memberikan tambahan-tambahan terperinci yang tidak disebutkan di dalam al-Ṭabarī. Ini diikuti oleh Thābit ibn Sinān ibn Thābit ibn Qurrah yang mencatitkan peristiwa sejarah yang berorientasikan *Tārīkh al-Ṭabarī* sehingga tahun 363H. Kemudian al-Farghānī bergabung dengan catatan sejarah Thābit. Ini menjadikan karya al-Farghānī lebih terperinci. Pada masa yang sama, Ḥilāl ibn al-Muhassin ibn Ibrāhīm al-Shabī‘ mencatatkan peristiwa sejarah di dalam karyanya sehingga tahun 447H. Anak Ḥilāl, Girs al-Ni‘mah Muḥammad bin Ḥilāl mengikuti langkah ayahnya yang menyajikan catatan peristiwa sejarah sehingga tahun 470H. Karya al-Hamadhanī dihasilkan pada masa yang sama dengan Girs al-Ni‘mah yang mencatatkan peristiwa sejarah sehingga tahun 512H. Abū al-Ḥasan bin al-Zagunī meneruskan karya Ibn al-Hamadhanī yang mencatatkan peristiwa sejarah sehingga tahun 527H. Karyanya tidak memuaskan kerana beliau bukan ahli sejarah⁷³. Al- ‘Afīf Ṣadaqah al-Haddad kemudiannya melanjutkan karya Ibn al-Zagunī sehingga tahun 570H dan karyanya dilanjutkan

⁷² H. A Muin Umar, Drs (1988), *op.cit.*, h. 41

⁷³ *Ibid.*

pula oleh Ibn al-Jawzī sehingga tahun 580H. Kemudian Ibn al-Qadisi melanjutkan karya al-Jawzī sehingga sampai tahun 616H⁷⁴.

Al-Ṭabarī mengelompokkan peristiwa-peristiwa berdasarkan urutan tahun kejadian. Dengan adanya metode ini, maka dengan sendirinya terhapus Sejarah Khabar. Ini dapat dilihat berdasarkan petikan yang dibawa, “*Dalam tahun sekian...sampailah ke tahun sekian...dan di dalamnya, wa fī ha, terjadilah....*”⁷⁵.

Menurut Franz Rosenthal, teknik penulisan sejarah yang dibentangkan oleh al-Ṭabarī boleh dianggap terbaik, terutama dari segi susunan di antara kitab-kitab Sejarah Islam pada abad pertengahan⁷⁶.

3.5 Kesimpulan

Berdasarkan metodologi pensejarahan al-Ṭabarī dapatlah disimpulkan bahawa *Tārīkh al-Ṭabarī* sama seperti usaha yang dilakukan oleh Bukhārī dan Muslim dalam bidang Hadith kerana al-Ṭabarī bersumberkan sanad-sanad yang tersusun dan kajian yang mendalam dalam menghasilkan kitabnya. Ia berada pada kedudukan yang terhormat di tengah pemikiran Ahli Sunnah serta memiliki pengaruh yang sangat kuat terhadap para sejarawan terkemudian.

⁷⁴ *Ibid.*, h. 42

⁷⁵ Mahayuddin Hj Yahaya (1984), *op.cit.*, h. 41

⁷⁶ Franz Rosenthal (1963), *op.cit.*, h. 102